

30 JUL 2004

LID-Wahid/I

PELABUR AKAN ELAK NEGARA YANG TIDAK PUNYA DASAR KONSISTEN

Oleh: Mohd Arshi Daud

LANGKAWI, 30 Julai (Bernama) -- Pelabur asing akan mengelak negara-negara yang mempunyai sejarah dasar yang tidak konsisten, kata ketua eksekutif baru Telekom Malaysia Bhd Datuk Abdul Wahid Omar, hari ini.

Beliau yang mengulangi kenyataan bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa dasar kerajaan tidak sepatutnya berubah walaupun berlaku perubahan dalam pucuk kepimpinan berkata pelabur tidak dapat bertolak ansur dengan perkara-perkara seperti ini.

"Faktor-faktor yang menentukan risiko negara termasuklah perubahan dalam dasar kerajaan. Ia sudah pastinya suatu risiko yang tidak mahu ditanggung oleh pelabur.

"Sesebuah negara mungkin menawarkan peluang yang baik tetapi jika risiko tidak dapat diterima, pelabur akan teragak-agak untuk melabur di negara tersebut," katanya kepada Bernama di luar dialog Global 2004-Dialog Antarabangsa Langkawi (LID).

Telekom Malaysia, penaja utama Global 2004 LID, sedang berusaha mendapatkan timbang tara antarabangsa ke atas Ghana dengan mendakwa pihak-pihak di Ghana pada 2002 telah memungkiri niaga janji dengan Telekom untuk mengambil alih pengurusan Ghana Telekom.

Abdul Wahid berkata tidak semua pelaburan luar negara Telekom di negara selatan-selatan meraih kejayaan namun begitu terdapat juga berita yang baik.

"Kami perlu memperuntukkan sumber tertentu untuk melabur ke luar negara bagi menjana keuntungan dan pendapatan tambahan kepada kumpulan.

"Afrika Selatan, Sri Lanka dan Bangladesh merupakan tiga contoh negara yang kami telah mencapai kejayaan," katanya.

Telekom, katanya, telah melepaskan nilai pelaburannya dalam Telekom SA, pelaburan tunggal luar negara terbesarnya, berikutan penyenaiaan.

Unit Sri Lanka Telekom baru-baru ini mencatatkan jumlah pelanggan telefon mudah alih kesejutanya manakala unit mudah alihnya di Bangladesh

juga makin menghampiri jumlah yang sama.

-- BERNAMA

MAD TOM ZK